Tunisia Terletak di bawah Telunjuk Kekuasaan Perancis

Riwayat penjajahan Perancis di utara Afrika nampaknya hidup semula dengan desakan-desakan yang hebat daripada pihak Perancis menindas perjuagan kemerdekaan Tunisia di bawah anjuran Habib Burqibih seorang penganjur yang telah memperjuangkan kemerdekaan negeri Tunisia bahkan seorang penganjur yang bercita-cita menyatukan negara-negara Islam di utara Afrika di bawah suatu kerajaan yang satu yang tidak terletak di bawah kuasa-kuasa penjajahan Barat. Itali dan Perancis yang telah memandikan padang-padang pasir negeri itu dengan darah, kekuasaan dan kezaliman mereka itu di tumpahkan oleh kezaliman dan keganasan yang dilakukan bagi menindas bangsa itu takluk selama-lamanya di bawah kekuasaan mereka sehingga ada mujahid-mujahid Islam yang dijatuhkan daripada kapal terbang oleh kerana dikehendaki takluk di dalam suatu penjajahan yang gelap berkurun-kurun lamanya. Habib Burqibih telah menjajah merata-merata Eropah dan Amerika serta negeri-negeri timur termasuk Indonesia dan ke majlis bangsa-bangsa bersatu bagi mengadakan tuntutan-tuntutan yang halal melaksanakan cengkaman yang begitu hebat menjadikan negeri mereka yang digambarkan sebegitu indah kepada negeri luar sedang halnya sangat dahsyat dan mendukacitakan.

Tunis untuk Orang Tunisia!

Tidak asing kepada orang-orang yang membaca tawarikh penjajahan-penjajahan Perancis di dalam negeri-negeri Islam itu mengetahui caranya kekerasan dan paksaan. Bertahun-tahun lamanya tindasan itu di jalankan dan sudah tentu dengan keadaan serta kedudukan dunia hari ini adalah yang demikian tentulah membawa kepada keinsafan-keinsafan terutamanya negeri Tunisia iaitu telah menjadi medan perjuangan yang sangat hebat dalam perjuangan dunia yang kedua di dalam mana berganti-ganti tempat itu di duduki dan harus sebagaimana negeri-negeri yang lain, dalam masa itu diberi janji-janji yang manis kepada penduduk-penduduk untuk mencari kerjasama mereka dan pada akhirnya setelah peperangan selesai maka jadilah umpama lupa kacang kepada kulitnya malah segala tuntutan-tuntutan itu tidak lagi diperhargakan bahkan orang yang menuntut hak itu dipandang derhaka dan lepas satu, satu mereka dipenjara dan ada pula yang ditumpahkan darahnya kerana tujuan-tujuan yang tersebut.

Negeri Tunisia yang luasnya 48,300 batu persegi dengan berpenduduk sebanyak 2,608,313 orang – daripadanya 94,000 orang Itali, 60,000 Yahudi, 7,000 orang Malta dan 108 000 orang Perancis termasuk tenteranya (mengikut banci tahun1936) adalah dengan paksaan telah terletak di bawah takluk Perancis pada tahun 1881 dan di dalam suatu perjanjian di bawah nama Qasar Said pada 12 Mei tahun 1881 itu dengan dikuatkan dalam satu perjanjian pada 8 jun 1883 negeri Tunisia diletakkan di bawah naungan Perancis. Di dalam masa yang demikian inilah penderitaan-penderitaan yang hebat telah di terima kerana mendirikan kekuasaan-kekuasaan yang tersebut. Sebelum dari masa itu negeri Tunis ini pada mulanya terletak di bawah kerajaan Rom, kemudian daripada itu terletak di bawah kekuasaan orang arab Bani Umaiyah dan pada tahun 1575 negeri Tunis itu terletak di bawah kekuasaan negeri Turki. Pada tahun 1705 dengan ketuanya Hussin bin Ali telah dapat merampas negeri itu dan yang demikian dengan sendirinya

Tunis telah menjadi negara merdeka sehingga tahun 1881 dalam mana Perancis telah menyerang dan menakluk negeri itu sekali.

Sesudah di bawah jajahannya maka Syed Muhammad Al-Ma'mun (4 September 1881) telah meletakkan jawatannya sebagai raja negeri itu lalu diganti oleh sepupunya Syed Muhammad Al-Mansof yang kemudiannya meletakkan jawatannya pada 15 Mei 1943. Mereka itu adalah keturunan daripada Hussin bin Ali. Semenjak daripada masa itulah Tunisia diletakkan di bawah Residen Jeneral Perancis yang berketanggungan di dalam masalah luar negeri dengan sebuah kabinet yang terdiri daripada 11 bahagian jabatan – 8 terletak di dalam tangan orang Perancis dan 3 orang Tunisia. Daerah itu terbahagi kepada 19 daerah di dalam mana tiap-tiap satu daerah di letakkan di bawah seorang gabenor bangsa Perancis. di dalamnya termasuk enam daerah ketenteraannya.

Dalam masa perang dunia yang kedua apabila Perancis kalah dalam peperangan maka Tunisia dengan sendirinya diserahkan di bawah kekuasaan kerajaan Wiji setelah perjanjian damai Perancis – Jerman di tandatanggani sehingga negeri itu terletak di bawah kekuasaan pihak berikat yang telah mendarat dari Morocco terus ke Algeria kemudian menduduki negeri Tunisia. Dengan keadaan-keadaan sedemikian ini sudah terang bahawa penderitaan-penderitaan yang hebat telah ditanggung oleh penduduk-penduduknya.

Setelah perang maka sekali lagi kerajaan Perancis yang tidak dijemput ke Tunisia telah mengancam negeri Tunisia dengan kuku besinya dan semenjak itu perjuangan-perjuangan yang hebat telah berlaku dengan diarahkan oleh Habib Bourguiba untuk melepaskan negerinya daripada keanggungan Perancis yang kejam itu sebagaimana hebatnya ikhtiar-ikhtiar Habib Bourguiba mencari timbang rasa di luar negeri maka begitulah juga perjuangannya dalam negeri semakin rancak terutamanya setelah balik daripada perjalanannya setahun yang lalu ke Indonesia. Perjuangan-perjuangan yang halal inilah

Seorang askar Perancis memeriksa seorang bangsa Tunisia yang ditangkap kerana menunjuk perasaan.

* * *

menyebabkan kerajaan Perancis hilang akal dan akhirnya menggunakan tangan besi dengan menangkap dan menumbangkan kerajaan Tunis yang dipimpin oleh Al-Syed Muhammad Syaniq dan mendirikan sebuah kerajaan patung di bawah pimpinan Salahuddin Baqusyi bagi mengabui mata dunia konon-kononnya untuk meraikan kebebasan penduduk-penduduk yang ditakluk dan untuk melaksanakan dasar-dasar demokrasi yang disorak-sorakkan itu.

Perdana Menteri Al-Syed Muhammad Syaniq adalah mempunyi jiwa yang merdeka sama juga keadaannya seperti rajanya Syed Muhammad Al-Amin yang dari satu ke suatu masa berdiri bersama-sama rakyatnya untuk mencapai cita-cita bangsa Tunisia berkerajaan sendiri dengan sepenuh

maknanya. Sekalipun pada akhirnya Residen Jeneral Perancis De Hotekluq telah berjaya mendesak raja Tunisia melantik Salahuddin Bakushi menjadi Perdana Menteri menggantikan kerajaan Muhammad Syaniq yang telah tumbang dan diasingkan itu tetapi semangat umat Tunisia tidak dapat dipadamkan bahkan menjulang-julang bukannya sahaja daripada lelakinya tetapi juga kaum perempuannya telah hidup semangat hendak merdeka. Semangat yang tidak akan kunjung padam walaupun dijatuhkan bom atom ke atas mereka.

Langkah Perancis menangkap penganjur-penganjur Tunisia mengikut jejak langkah-langkahnya pada zaman-zaman yang telah lalu itu, telah menyebabkan perempuan-perempuan yang dahulunya hanya menyelenggarakan rumahtangga keluar beramai-ramai menunjukkan perasaan lalu menyerbu ke masjid besar, "Jamek Al-Zaitunah" menghamburkan ucapan-ucapan yang bersemangat dan berapi-api untuk mencapai hak mereka yang mutlak.

Selain daripada Al-Amirah Fatimah, cucu raja Tunisia dan Fatimah Asfuri yang telah berucap berterus terang mencela dasar Perancis di Tunisia maka masjid jamek yang besar itu tidak putus-putusnya bergema dengan suara takbir kerana menyambut ucapan yang dihemburkan oleh seorang kanak-kanak perempaun yang masih kecil yang berkata : "kerajaan Perancis menyangka bahawa dengan tertangkapnya penganjur yang dikasihi Habib Bourguiba itu akan dapat menghancurkan perjuangan rakyat Tunisia– sangkaan itu sebenar-benarnya salah sekali. Perancis mesti mengetahui bahawa tiap-tiap seorang lelaki Tunisia itu ialah "Bourguiba" dan tiap-tiap seorang perempuan Tunisia itu ialah "Jane de Arc".



Bank "Berkeley's" salah satu daripada harta kepunyaan asing yang telah dibakar oleh perosak-perosak di Mesir pada hari huru hara itu.

* * *

(Juan of Arc – P)

Adakah majlis bangsa-bangsa akan mendiamkan sahaja kekerasan-kekerasan dilakukan terhadap kepada sesebuah negara yang menuntut kemerdekaannya yang halal itu? – inilah pertanyaan yang ditunggu-tunggu oleh tiap-tiap penduduk dunia.

Buku tawarih Islam yang cemerlang "Baginda Ali" Harimau Allah penggal yang pertama dan yang kedua telah siap dicetak bagi kali yang kedua. Jika tuan-tuan berhajat kirimlah wang $1.30 bagi sepenggal dan $2.40 dua penggal bersih belanja pos kepada qalam Singapura.